

## Kursus Pengendalian Pertandingan KaSTEK



Temerloh, 17 JANUARI 2012 – Setiap tahun Karnival Pendidikan Sains dan Teknologi memang sinonim dengan Pusat Pendidikan, Latihan dan Penyelidikan Tenaga Diperbaharui, Kecekapan Tenaga dan Teknologi Hijau (CETREE) . Ini dibuktikan dengan penyertaan hampir 4 pertandingan yang dipertandingkan. Antaranya Solar Car Competition, Efficiency Energy Cooking Competition, EUREKA Renewable Energy and Energy Efficiency Beach House Competition dan Solar Boat Competition (Pilot Competition).

Tahun 2012, Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) Temerloh, Pahang merupakan satu-satunya PPD mengorak langkah dengan mengadakan Kursus Pengendalian Pertandingan kepada seluruh guru-guru terpilih di daerah Temerloh, Pahang. Ini bertujuan bagi menarik minat guru agar melahirkan pelajar-pelajar daripada kalangan sekolah masing di dalam daerah Temerloh yang akan mewakili negeri Pahang bagi pertandingan peringkat kebangsaan yang dijangka pada bulan Ogos 2012.

Kursus ini dianjurkan dengan usahasama serta cetusan idea Ketua Sekretariat/ Pengurus Tugas CETREE, Tuan Hj. Badrol Hisham Mohd Nowani bersama Pegawai Pelajaran Daerah (PPD) Temerloh, Puan Asiah Hamzah. Kursus berlangsung selama satu hari bertempat di Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) Temerloh, Pahang., Sambutan yang diberikan oleh guru-guru sekolah daerah Temerloh amat memuaskan. Pelbagai persoalan dan pandangan dikenalpasti bagi memantapkan lagi pasukan yang menyertai dan melibatkan diri dalam pertandingan yang disertai.

Hampir 40 orang guru daripada 25 buah sekolah rendah dan 15 buah sekolah menengah yang berminat menyertai kursus yang dianjurkan oleh Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) Temerloh, Pahang. Antara pengisian kursus yang melibatkan guru-guru yang disediakan oleh pihak CETREE ialah taklimat berkaitan Karnival Pendidikan Sains dan Teknologi yang melibatkan CETREE, sesi kupasan pertanyaan dan penerangan dengan lebih terperinci, bengkel pembinaan khas model-model pertandingan, pertandingan pengadilan memilih pemenang di antara peserta kursus dan diakhiri dengan rumusan keseluruhan kursus. Turut hadir bagi membantu serta menjadi fasilitator di program berkenaan ialah En. Mohd Firdaus Kamis, En. Syafiq Saifullah Azmi, En. Mohd Nizam Md Saad dan beberapa orang pelajar Antarabangsa - International Economic And Commercial Science Student Association (AIESEC) bagi melicinkan lagi kursus ini.

{backbutton}

Terkini



Pautan